

<b>Headline</b>	<b>Timba ilmu berharga</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Harian Metro</b>		
<b>Date</b>	<b>10 Oct 2016</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>1,270,667</b>	<b>Readership</b>	<b>3,812,000</b>
<b>Section</b>	<b>Arena</b>	<b>Page No</b>	<b>54</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>456 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>Ferzalfie Fauzi</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 53,685</b>		

## Akhimullah bukti kemampuan

**Perth:** Pada usia 16 tahun, Mohamad Akhimullah Anuar Esook sudah diberikan peluang berharga berada dalam skuad Malaysia Blue (skuad pembangunan) yang disertai beberapa pemain senior beraksi di Liga Hoki Australia (AHL) dan dia sendiri membuktikan berjaya untuk mengharungi pelbagai rintangan dilaluiinya.

Menurut pemain berasal dari Kemaman itu, selepas namanya disenaraikan memang timbul perasaan gementar namun dalam pada masa sama dia bersyukur kerana dibерikan kepercayaan.

“Saya harap mampu mengekalkan pres-

tasi dan pemilihan ini sedikit sebanyak memberi keyakinan kepada saya meneruskan karier dalam sukan ini,” katanya yang juga pemain TNB Thunderbolts.

Jelasnya, ketika mula menyertai skuad berkenaan dia berasakan ada jurang dengan pemain lain kerana kebanyakan adalah pemain senior tetapi selepas mengharungi tujuh perlawanan di AHL dia mengakui tidak berasa kekok.

“Kehadiran saya dalam skuad dan liga ini adalah untuk membuktikan saya mampu memberikan aksi terbaik serta mampu berkomunikasi dengan pemain senior,” katanya.

**“Semua menunjukkan peningkatan, kami juga banyak belajar dari segi menutup dan melakukan serangan ke kubu lawan”**

**Mas Huzaimah Md Zain**